

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian kualiti hidup kanak-kanak autistik. Seramai tiga orang peserta kajian telah mengambil bahagian. Peserta pertama dan ketiga adalah dari Cawangan 1 Pusat Pendidikan Khas. Peserta kedua pula dari Cawangan 2. Kaedah kajian pertama yang digunakan adalah temuduga. Bagi peserta kajian pertama yang verbal, temuduga diadakan bersamanya. Bagi peserta kedua, pengkaji dibantu oleh gurunya kerana pertuturannya kurang jelas dan beberapa perkara sukar difahami oleh pengkaji. Juga, temubual tidak formal diadakan bersama ibunya untuk mendapatkan kepastian. Peserta kajian ketiga tidak dapat memberi respon kepada pengkaji. Oleh yang demikian, ibunya ditemuduga. Selain itu, temubual tidak formal diadakan bersama penyelaras dan guru-guru Pusat Pendidikan Khas untuk mendapatkan maklumat tambahan. Selain itu, kaedah pemerhatian dan dokumen juga digunakan oleh pengkaji.

Dapatan kajian dilaporkan mengikut peserta kajian. Nama sebenar peserta kajian tidak digunakan. Kualiti hidup setiap peserta dibincangkan mengikut tujuh domain, iaitu kebendaan, kesihatan, produktiviti, intimasi, keselamatan, tempat dalam komuniti dan emosi.

4.2 Peserta kajian pertama : Wilson**4.2.1 Profail :**

Wilson dilahirkan pada 13/06/1991 dan merupakan anak sulung dalam keluarga. Dia mempunyai seorang adik lelaki dan seorang adik perempuan. Bapa Wilson bekerja sebagai seorang pemandu teksi. Ibunya telah meninggal dunia akibat kanser payudara. Sehingga umur 10 tahun Wilson diajar oleh ibunya di rumah dan hanya didaftarkan untuk

program intervensi awal di salah sebuah cawangan Pusat Pendidikan Khas semasa berumur 10 tahun. Mulai tahun 2002, iaitu dari umur 11 tahun kanak-kanak ini menerima latihan vokasional di cawangan 1. Mengambil kira masalah kewangan, Wilson dikecualikan daripada bayaran di pusat ini.

Di samping bahasa ibundanya, iaitu Hokkien, Wilson juga fasih dalam Bahasa Melayu dan boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris. Pertuturannya jelas dan mudah difahami. Dia juga berkebolehan membaca dan menulis.

4.2.2 Domain kebendaan :

Wilson berpendapat dirinya memiliki barangan persendirian yang sedikit. Kanak-kanak ini membandingkan dirinya dengan Aziq (peserta ketiga) dan berpendapat Aziq mempunyai banyak barangan persendirian daripada dirinya. Wei Chong, kawan rapatnya pula dikatakan memiliki barangan persendirian yang sama banyak dengannya.

Barangan yang disenaraikan sebagai barangan miliknya adalah kereta mainan dan majalah kereta lama sebanyak 26 buah, di samping pakaian. Pada pendapat kanak-kanak ini pakaian yang dimilikinya banyak. Wilson amat berminat dengan kereta sehingga menyenaraikan kancil, Rav (seperti yang dituliskan oleh Wilson), Minicooper dan Estima sebagai kereta miliknya. Menurut gurunya, Wilson hanya memiliki kereta mainan. Keempat-empat kereta yang disenaraikannya adalah imajinasinya. Kanak-kanak ini banyak membaca majalah kereta dan kereta-kereta yang diminatinya dianggap dimilikinya.

Majalah-majalah kereta yang dimilikinya adalah majalah lama. Apabila pengkaji bertanya sebab tidak membeli majalah baru, dijawabnya membazir wang membeli majalah baru.

Semasa temuduga, Wilson telah mengulangi beberapa kali bahawa dia tidak mempunyai bilik tidurnya sendiri di rumah. Seolah-olah dia tidak puas hati berkongsi bilik dengan ayahnya. Namun, secara keseluruhannya, dia menyatakan rasa puas hati terhadap barangan yang menjadi miliknya. Pengkaji mempersoalkannya tentang barangan persendirian yang dikatakannya 'sedikit'. Jawapannya adalah, 'membazir sahaja kalau beli banyak-banyak'.

4.2.3 Domain kesihatan :

Menurut Wilson, dirinya sihat dan kuat serta tidak pernah berjumpa dengan doktor, terutamanya dalam masa tiga bulan terakhir. Dia juga tidak mengambil sebarang ubat ataupun rawatan. Pengkaji telah berbincang dan merujuk rekod pemeriksaan doktor untuk mendapatkan kepastian. Daripada rekod pemeriksaan didapati Wilson juga disahkan mempunyai kurang upaya hiperaktiviti.

Daripada pemerhatian, pengkaji dapati ciri-ciri autism seperti kurang perhubungan mata lebih menonjol daripada Hiperaktiviti. Menurut gurunya, ciri-ciri Hiperaktiviti berkurangan setelah melalui program intervensi. Wilson amat berpuas hati dengan kesihatannya di mana dia anggap dirinya 'cukup sihat'.

4.2.4 Domain produktiviti :

Kebanyakan masa Wilson di pusat ini diperuntukkan untuk latihan vokasional, iaitu lebih kurang 5 jam sehari. Jika kehadiran Wilson penuh untuk seminggu, lebih kurang 25 jam seminggu digunakan untuk latihan tersebut. Malangnya, pengkaji dapati kehadirannya jarang penuh untuk seminggu. Sekiranya Wilson tinggal di asrama, selepas latihan vokasional dia dilibatkan dengan aktiviti kemahiran domestik dan pengurusan diri. Masa terluang digunakannya untuk bermain permainan komputer. Seperkara yang

perlu diberi perhatian di sini adalah penggunaan komputer yang hanya terhad kepada permainan.

Manakala, Wilson menyatakan bahawa dia sering rasa bosan di rumah kerana tidak ada sebarang aktiviti untuk dilakukan. Dia lebih memberi penekanan kepada ketiadaan komputer untuk bermain. Di asrama pula dikatakannya tidak rasa bosan, terutamanya sebab ada kawan dan boleh bermain komputer. Sepanjang temuduga, didapati Wilson mengulangi frasa 'di rumah, cakap seorang-seorang, gelak seorang-seorang'.

Menonton televisyen merupakan satu aktiviti yang jarang dilakukan oleh Wilson di asrama. Guru-gurunya juga berpendapat dia lebih suka menggunakan komputer daripada menonton televisyen kecuali perlawanan bola sepak dan perlumbaan kereta. Walau bagaimanapun, dia terpaksa mengikuti peraturan asrama dan tidak dibenarkan menonton televisyen melebihi waktu yang dibenarkan, terutamanya pada waktu malam. Di rumah pula, dikatakannya bila-bila sahaja menonton televisyen kerana tidak ada aktiviti lain dan dia sering keseorangan. Wilson juga mengatakan bahawa dia suka mendengar radio sebelum tidur.

Wilson menunjukkan rasa tidak puas hati dengan aktiviti yang dilakukannya di rumah. Dia menyatakan rasa tidak puas hati kerana tidak dibawa keluar oleh ayahnya. Rasa tidak puas hatinya juga berpunca daripada perbandingan yang dilakukannya dengan adiknya yang boleh keluar bila-bila masa. Wilson tidak dibenarkan keluar dan jarang dibawa keluar oleh bapanya. Oleh yang demikian, kanak-kanak ini menunjukkan kekecewaan yang amat sangat sehingga memberikan komen seperti 'pemalas',

'pentingkan diri sendiri' tentang ayahnya. Dia juga menunjukkan kemarahannya dengan menyatakan bahawa sering disuruh oleh bapanya menyapu rumah seperti orang gaji.

Wilson juga menyatakan hasratnya tentang aktiviti yang ingin dilakukan apabila dewasa kelak. Dia ingin memiliki lesen memandu dan keluar setiap hari serta memandu kereta dengan laju. Juga ingin berlumba haram bersama rakannya Wei Chong dan Andrew. Seperkafa yang menakutkan adalah kesedaran Wilson tentang akibat berlumba haram. 'Saya tada takut tangkap polis, masuk penjara; tak apa kemalangan, masuk hospital mati', katanya.

4.2.5 Domain intimasi :

Wilson menganggap Wei Chong sebagai kawan yang paling rapat dengannya. Seorang lagi kawan yang dianggapnya rapat adalah Andrew. Selain kedua-dua orang ini Wilson senaraikan 3 lagi kawan-kawannya. Dirinya juga dimasukkan sebagai kawan pertama dalam senarai. Watak-watak dalam siri drama Cina juga dianggapnya sebagai kawan-kawannya. Walaupun dia rapat dengan Wei Chong, dikatakan jarang bersembang dengannya kerana Wei Chong tidak boleh bertutur. Walaupun dia ingin menelifon Wei Chong semasa di rumah, dia tidak berbuat demikian kerana takut dimarahi bapanya. Di sini, Wilson menyatakan rasa takut ataupun tidak berani.

Justeru, orang yang sering bersamanya untuk melakukan aktiviti-aktiviti ataupun sesuatu yang istimewa adalah Wei Chong. Mereka sering bermain komputer bersama dan Wilson menyatakan kebanggaannya mengalahkan Wei Chong dan telah mencapai peringkat 10 dalam permainan komputer. Memandangkan di rumahnya tidak ada komputer dan kawan ataupun ahli keluarga yang bermain bersamanya, Wilson berkata, dia bermain bola sepak bersendirian dalam rumah.

Oleh yang demikian, Wilson menyatakan bahawa dia lebih puas hati dengan rakan karibnya di asrama. Bertentangan pula dengan ahli keluarga di rumah, di mana dia tidak puas hati.

4.2.6 Domain keselamatan :

Wilson rasa selamat samada di rumah ataupun di asrama di mana dia boleh tidur lena. Di rumah Wilson biasanya tidur sehingga pukul 12.00 tengah hari. Manakala di asrama dia berkata terpaksa bangun awal. Selain daripada itu, Wilson tidak menghadapi sebarang masalah untuk tidur kerana dia rasa selamat.

Walau bagaimanapun, Wilson mengaku bahawa adakalanya dia terasa bimbang dan cemas. Ketakutan Wilson terhadap semburan ubat nyamuk aedes agak luar biasa. Dikatakannya sering menyembunyikan diri di stor apabila semburan dibuat kerana takut pada bau busuk.

Selain itu, Wilson juga berkata bahawa dia terasa bimbang dan cemas sekiranya tidak dijemput oleh bapanya untuk pulang pada hari Jumaat kerana dia terpaksa tinggal di rumah salah seorang gurunya. Kemarahan bapanya juga menyebabkan Wilson rasa tidak selamat dan takut. Walau bagaimanapun, Wilson mengaku bahawa dirinya ganas dan melakukan perkara-perkara yang tidak disukai bapanya. Pergaduhan juga menyebabkan Wilson rasa tidak selamat. Pergaduhan yang dikenangkannya adalah antara bapa dengan seorang lagi lelaki. Juga dikaitkan dengan arwah ibunya, 'selalu buat bapa marah', katanya.

Secara keseluruhannya, Wilson berkata dirinya kadang-kadang rasa tidak selamat dan takut dan kadang-kadang berani. Dirinya dikatakan sebagai seorang hero dan wira. Walau bagaimanapun, dari segi kepuasan tentang keselamatannya dikatakannya tidak

puas hati. Sebab yang diberikan bagi rasa tidak puas hatinya adalah dirinya tidak cukup berani dan tidak cukup wira.

4.2.7 Domain tempat dalam komuniti:

Daripada kesemua aktiviti luar yang disenaraikan, hanya dua aktiviti berkaitan dengan Wilson. Aktiviti pertama adalah makan di luar bersama bapanya. Aktiviti kedua adalah melawat ahli keluarga, iaitu nenek dua kali sebulan, pada hari Sabtu. Walau bagaimanapun, kadang-kadang dikatakannya tidak pergi. Sekali lagi dia mengulangi rasa tidak puas hati terhadap bapanya kerana tidak membawa dirinya keluar bersiar-bersiar sebab 'ambil orang' (membawa penumpang).

Menurut Wilson, aktiviti luar yang selalu dilakukannya adalah aktiviti asrama, iaitu s'*outing*' samada pada hari Selasa ataupun Jumaat. Tempat-tempat yang dikunjungi adalah seperti Tanjung Harapan, Taman Tasik Perdana (Shah Alam) dan Taman Rakyat, Klang bersama rakan-rakannya dari pusat yang sama serta guru-gurunya. Namun, aktiviti '*outing*' kurang memberi peluang untuk pergaulan dengan orang bukan kurang upaya. Secara keseluruhannya, Wilson meluahkan rasa tidak puas hati dari segi domain tempat dalam komuniti.

4.2.8 Domain emosi :

Wilson menyatakan kekecewaannya tidak boleh melakukan segala keinginannya, terutamanya di rumah kerana takut dimarahi bapanya. Keinginan untuk keluar seperti adiknya tidak dibenarkan dan ditegur oleh bapanya. Manakala di asrama, sekurang-kurangnya dia boleh bermain komputer.

Kanak-kanak ini lebih mengaitkan keseronokan bersama rakannya Wei Chong di asrama. Aktiviti bercerita tentang lumba haram dan perlumbaan kereta, walaupun

rakannya tidak boleh bertutur, memberikan keseronokan padanya. Permainan komputer, di mana Wilson berlawan dengan Wei Chong juga dikatakannya sebagai aktiviti menyeronokkan.

Daripada respon yang diberikan oleh Wilson, tidur dianggapnya sebagai satu aktiviti menyeronokkan dan melupakan ataupun menggantikan kebosanannya. Di asrama, dikatakannya ingin tidur tetapi tidak dibenarkan kerana terpaksa bangun awal untuk mengikuti aktiviti yang dijadualkan. Ini tidak disukainya. Manakala di rumah, dia biasa dan dibenarkan tidur sehingga 12.00 tengah hari. Jika bangun awalpun dikatakannya tidak ada sebarang aktiviti untuk dilakukannya.

Apabila ditanya tentang keinginannya, dijawabnya banyak. Keinginan yang diutamakannya adalah membuka kedai menjual kereta lumba (*sport*). Pada mulanya, Wilson begitu yakin bahawa keinginannya akan menjadi kenyataan dan dia menggunakan perkataan 'pasti boleh'. Setelah berfikir sejenak, dia tukar pendiriannya dan menyatakan bahawa 'tak tahu boleh buka kedai'. Apabila pengkaji mengemukakan soalan tentang sebab ketidakpastian jawapannya adalah tidak ada modal. Setelah berfikir lagi, 'pasti tidak boleh buka kedai' menjadi jawapannya.

Wilson ingin membuka 100 cawangan kedai menjual kereta di tempat-tempat seperti Johor Bahru, Kuantan dan Klang. Dia nampak agak kecewa apabila berkata 'tak boleh buat'. Seperkara yang membuatkan pengkaji rasa adanya kelainan pada kanak-kanak ini apabila dikatakannya, walaupun keinginannya tidak boleh menjadi kenyataan, fikir tentang tentang keinginan tersebut memberi keseronokan padanya serta dia rasa cukup bangga. Wilson menggunakan istilah '*memory*' dan 'fikir-fikir' untuk menerangkan imajinasinya.

4.3 Peserta kajian kedua : Edwin

4.3.1 Profail : *Profil*

Edwin dilahirkan pada 01/12/1991 dan merupakan anak tunggal dalam keluarga. Bapa Edwin adalah seorang ahli perniagaan dan ibunya pula seorang jururawat. Kanak-kanak ini menghadiri tadika dari umur 5 hingga 7 tahun. Dia mula menghadiri Kelas Pendidikan Khas (sekolah rendah kerajaan) pada umur 7 tahun. Pada tahun 2003, Edwin didaftarkan di Pusat Pendidikan Khas, Cawangan 2, sesi petang, dari pukul 1.30 – 5.00 petang. Di sebelah pagi, iaitu dari pukul 7.30 – 12.00 pagi, Edwin menghadiri kelas Pendidikan Khas di salah sebuah sekolah menengah kerajaan.

Kanak-kanak ini boleh bertutur, tetapi pertuturannya kurang jelas. Dia hanya boleh menulis perkataan-perkataan yang dilihatnya.

4.3.2 Domain kebendaan :

Edwin berpendapat dirinya memiliki barangan yang sedikit berbanding dengan kawan rapatnya, Melwin. Barangan yang disebutnya sebagai barangan miliknya adalah kereta mainan, pakaian dan komputer. Beberapa kali Edwin mengulangi bahawa dia mempunyai sehelai T-shirt dan sepasang seluar. Menurut gurunya, Edwin merujuk kepada pakaian yang dipakainya di sekolah. Dari segi kepuasan, didapati dia tidak puas hati dari segi kebendaan dan beberapa kali menunjukkan bahan bantu yang menunjukkan rasa tidak puas hati.

Temubual dengan ibunya menunjukkan bahawa ibu bapa Edwin menyediakan keperluan kebendaan apabila dia dewasa kelak dan dalam keadaan ketiadaan kedua-dua ibu bapanya. Menurut ibunya, buat masa ini, sebuah bilik khas telah disediakan bagi Edwin dengan perbelanjaan RM12, 000. Biliknya dilengkapi dengan televisyen, CD dan

kaset. Sebuah organ juga disediakan kerana ibu bapanya berpendapat Edwin berminat dalam muzik. Menurut ibunya, ibu dan bapa masing-masing membelikan sebuah rumah serta simpanan wang bagi masa hadapan Edwin. Ibunya beranggapan bahawa kesemua persediaan ini sekurang-kurangnya dapat memberikan kehidupan berdikari apabila kedua-dua ibu bapanya tiada lagi. Tambahan pula, ibu bapanya berkemampuan menyediakan segala kemudahan ini kerana mereka kukuh dari segi kewangan. Memandangkan Edwin anak tunggal, maka ibunya berkata mampu dan bersedia memenuhi keperluan dan kehendaknya.

Namun demikian, Edwin menyatakan rasa tidak puas hati dengan barangan yang dimilikinya, walaupun ditanya berulang kali. Namun, dia tidak dapat menerangkan sebab rasa tidak puas hatinya. Menurut guru penyelaras dan ibunya, Edwin berminat dengan bahan-bahan yang berkaitan dengan pendidikan. Pengkaji juga bersependapat dengan mereka hasil daripada pemerhatian di mana Edwin meminta bahan yang disediakan untuk tujuan temuduga.

4.3.3 Domain kesihatan :

Edwin menyatakan bahawa dia telah berjumpa dengan Dr. Chong baru-baru ini kerana bisulnya di dahi, sambil menunjukkan bisulnya. Juga menyatakan bahawa dia telah menangis kerana suntikan yang diberikan oleh doktor. Selain itu, dia berpendapat dirinya sihat dan berpuas hati dengan kesihatannya.

Menurut ibunya, '*supplements*' seperti Omega, Vitamin C dan B Kompleks diberikan untuk memastikan kesihatan Edwin. Bertujuan untuk mendapatkan kepastian tentang kesihatan dan kurang upaya lain, pengkaji merujuk kepada dokumen pemeriksaan doktor dengan kebenaran ibu bapa dan penyelaras. Beberapa ketidakupayaan dikaitkan

dengan Edwin seperti hiperaktiviti, kurang upaya pembelajaran dan komunikasi serta ketidakfungsian otak yang minima. Dari segi kesihatan, Edwin menghadapi Ezema dan Asthma kanak-kanak. Doktor hanya mencadangkan ubat-ubatan sekiranya perlu sahaja.

4.3.4 Domain produktiviti :

Edwin terlibat dengan pelbagai aktiviti terancang sepanjang hari memandangkan dia menghadiri Pendidikan Khas sekolah menengah kerajaan (sebelah pagi) dan Cawangan 2, Pusat Pendidikan Khas ini (sebelah petang). Menurut ibunya, Edwin nampak kepenatan apabila balik ke rumah di waktu petang. Aktiviti yang suka dilakukan oleh Edwin adalah membuat kerja rumah seperti membasuh kain, vakum dan memasak mi. Semasa temuduga juga Edwin mengulangi keinginannya untuk membasuh kasut dan dan pinggan. Gurunya juga berpendapat bahawa Edwin suka melakukan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kemahiran domestik.

Selain aktiviti-aktiviti tersebut, Edwin juga berkata bahawa dia suka menonton televisyen dan selama satu jam diperuntukkan untuk menonton program-program yang diminatinya seperti Smartshop, Phua Chu Kang, Mr. Bean, Roda Impian dan CD Jack and Jill. Walau bagaimanapun, Edwin menyatakan rasa tidak puas hati di sekolah yang dihadapinya sebelah pagi kerana dikatakannya takut.

4.3.5 Domain intimasi :

Daripada pemerhatian sebelum dan selepas temuduga, pengkaji dapati Edwin rapat dengan seorang pelajar bernama Aaron di pusat tersebut. Walaupun Aaron non-verbal, dia memberi respon kepada Edwin dengan caranya tersendiri apabila Edwin cuba bercakap dengannya. Aaron mendengar dan melakukan apa sahaja yang disuruh oleh Edwin. Semasa temuduga, Edwin juga menyatakan Aaron sebagai kawan yang paling

rapat dengannya. Namun, di luar waktu sekolah dia tidak menghubunginya kerana tidak ada nombor telefonnya.

Di samping menjadi kawan rapat, Aaron juga dikatakan orang yang memberi perhatian apabila Edwin rasa sedih ataupun tertekan. Menurut Edwin, Aaron mengelapkan air matanya, sekiranya Edwin menangis. Di rumah pula, pembantu rumah dikatakannya memberi perhatian dalam masa-masa Edwin terasa sedih ataupun tertekan. Justeru, Aaron, Cikgu Arbayah dan Cikgu Jega dikatakan menemaninya apabila Edwin ingin melakukan sebarang aktiviti di pusat tersebut walau tiada siapa menemaninya di rumah. Oleh yang demikian, dia menunjukkan rasa puas hati dengan kawannya di pusat tersebut.

4.3.6 Domain keselamatan :

Daripada temuduga dengan Edwin dan juga ibunya, didapati Edwin tidak menghadapi sebarang masalah tidur akibat kebimbangan terhadap keselamatannya. Menurut Edwin, dia boleh tidur lena sehingga pukul 7.00 pagi dan adalah menjadi kebiasaannya untuk masuk tidur pada pukul 10.00 malam. Perasaan tidak selamat, kebimbangan dan perasaan cemas dikaitkannya dengan sekolah yang dihadapinya di sebelah pagi. Manakala, di pusat ini dan di rumah dikatakannya puas hati dengan keselamatannya. Menurut ibunya, Edwin biasanya nampak cemas apabila dibawa keluar dan ingin kembali ke rumah dengan segera.

4.3.7 Domain tempat dalam komuniti :

Beberapa aktiviti luar yang disenaraikan didapati berkaitan dengan Edwin. Di antara aktiviti luar yang Edwin mengambil bahagian adalah aktiviti beribadat. Menurut ibunya, dua kali sebulan Edwin dibawa untuk menyertai aktiviti beribadat. Antara

petunjuk bagi domain tempat dalam komuniti adalah bersembang dengan jiran. Walaupun Edwin tidak bersembang dengan jiran-jirannya, sering mengucapkan 'hello' dan berjabat tangan dengan mereka. Selain itu, Edwin juga mengikuti ibu bapanya untuk makan di luar dan melawat ahli keluarga. Selain daripada aktiviti-aktiviti tersebut, Edwin juga dikatakan menyertai aktiviti berenang dan 'outing' yang menjadi aktiviti Pusat Pendidikan Khas tersebut. Walau bagaimanapun, Edwin menyatakan rasa puas hati dan tidak puas hati tentang aktiviti-aktiviti luar tersebut. Memandangkan berulang kali dia mengulangi 'happy and sad', maka bolehlah memahami bahawa Edwin kurang puas hati dengan penyertaannya dalam aktiviti luar. Malangnya, dia tidak dapat menerangkan sebabnya.

Justeru, temubual dengan ibu Edwin mendedahkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat. Walaupun ibu bapa Edwin berkeinginan melibatkannya dalam pelbagai aktiviti luar, pengalaman lepas menghalang mereka daripada berbuat demikian. Reaksi masyarakat terhadap anak mereka dikatakan (sambil menitikkan air mata) sebagai menyakitkan. Beliau juga meminta pengkaji memberi penekanan kepada faktor ini.

Menurut ibunya lagi, walaupun menghadapi masalah dari segi penerimaan masyarakat terhadap keadaan anaknya, sebagai ibu bapa mereka inginkan Edwin menjalani kehidupan seperti kanak-kanak normal. Oleh yang demikian, Edwin dibawa bersiar ke Phuket untuk menyaksikan pertunjukan monyet. Pernah juga sekali dibawa ke panggung wayang tetapi Edwin dikatakan tidak selesa dan cemas dengan keadaan gelap.

4.3.8 Domain emosi :

Edwin mengaitkan keinginan yang dimaksudkan dalam soalan temuduga dengan aktiviti-aktiviti kegemarannya seperti membasuh pinggan. Disebabkan keinginan ini tidak dihalang samada di pusat ini ataupun di rumah, maka Edwin berpendapat dia boleh melakukan apa sahaja yang ingin dilakukannya. Memandangkan aktiviti-aktiviti ini memberi keseronokan pada Edwin, maka dia berpuashati dengan keadaan emosinya.

Justeru, ibu Edwin mengatakan bahawa beliau tidak mengetahui tentang keinginan Edwin dari segi cita-citanya. Maka, sukar untuk memenuhi keinginannya. Walau bagaimanapun, jika Edwin menyatakan keinginannya, ibu bapa bersedia untuk memenuhinya.

Buat masa ini, mereka memberikan segala yang dianggap mungkin menjadi hasratnya. Edwin pernah dihantar ke kelas lukisan tetapi terpaksa dihentikan kerana dikatakan dia mengganggu kanak-kanak lain dan guru lukisan tidak dapat menanganinya.

4.4 Peserta kajian ketiga : Aziz

4.4.1 Profail :

Aziz dilahirkan pada 22/03/1987 dan merupakan anak kedua dalam keluarga. Dia mempunyai seorang abang dan adik perempuan. Bapa Azim bekerja sebagai seorang pegawai bank dan ibunya seorang setiausaha. Dari umur 5-7 tahun, Aziz telah menyertai program intervensi awal di salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan di Kuala Lumpur. Pada umur 7 tahun, dia menghadiri Kelas Khas di sebuah sekolah rendah kerajaan. Penyertaan Kelas Khas sekolah menengah bermula pada umur 14 tahun. Malangnya, dia terpaksa dihentikan kerana tidak berminat menghadiri sekolah tersebut. Lebih kurang setahun Aziz tidak menghadiri mana-mana sekolah ataupun program sehingga

didaftarkan di Pusat Pendidikan Khas ini pada Januari 2002. Aziz berkebolehan membaca buku-buku yang mudah dan menulis perkataan-perkataan Bahasa Melayu, Mandarin dan Bahasa Inggeris. Dia juga menunjukkan minat dalam mempelajari Bahasa Tamil. Selain itu, Aziz berkebolehan menggunakan komputer dan berminat dalam muzik terutamanya piano dan organ. Dia juga berkemahiran melukis di mana lukisannya pernah dipamerkan di '*Different Strokes Exhibition*' di Pusat Seni Kebangsaan.

4.4.2 Domain kebendaan :

Barangan yang disenaraikan oleh kanak-kanak ini sebagai barangan miliknya adalah banyak dan berbeza daripada Wilson dan Edwin. Antara barangan yang disenaraikannya adalah keyboard, radio, walkman, cakera padat permainan dan kamus Bahasa Cina. Pengkaji dapati Aziz bangga dan seronok memiliki kamus Bahasa Cina. Dia menunjukkan kamus tersebut kepada pengkaji dan mula menulis huruf-huruf daripada kamus tersebut. Menurut ibunya, barangan yang dipilihnya adalah berdasarkan kualiti dan jenama. Hanya cakera padat permainan original sahaja dipilihnya. Dari segi makanan ringan juga makanan yang berjenama dibelinya.

Menurut ibunya, kadang-kadang ibu bapanya kurang mampu untuk membelikan barangan berjenama dan mahal yang dimintanya kerana keperluan dua orang lagi anak mereka perlu dipenuhi. Oleh itu, Aziz menunjukkan rasa tidak puas hati apabila ibu bapa tidak berkeupayaan untuk membelikan barangan yang dimintanya. Buat masa ini, dua barang yang sering diminta daripada ibu bapanya adalah buku dinasor yang berharga RM150 dan piano berjenama Yamaha yang disebutnya sebagai 'Yahama'. Setiap kali ibu bapa menanggukkan memenuhi permintaannya, dia menunjukkan perasaan kecewa.

4.4.3 Domain kesihatan :

Dalam masa tiga bulan terakhir, Aziz tidak pernah dibawa untuk berjumpa dengan doktor dan tidak pernah menghadapi sebarang masalah dari segi kesihatan. Semasa berumur sembilan dan sepuluh tahun, Aziz pernah ditahan di hospital untuk dirawat atas masalah kesihatan, iaitu asma. Selain itu, Aziz juga pernah menghadapi penyakit sinus. Bertujuan memastikan kesihatan Azim, ibu bapanya membelikan ubat-ubatan tradisional Cina seperti Ginseng dan *Scotts Emulsion*. Aziz meminta supaya ibu bapanya membelikan sekiranya ubat-ubatan ini kehabisan.

Dari segi kurang upaya lain, Aziz telah disahkan sebagai kanak-kanak kurang upaya hiperaktif dan perkembangan lambat semasa berumur 4 tahun. Kemudian disahkan sebagai autism ringan.

4.4.4 Domain produktiviti :

Semasa pemerhatian awal pengkaji, didapati Aziz lebih dilibatkan dengan aktiviti melukis. Dalam sehari dia menghasilkan 2 hingga 3 lukisan. Kini, Aziz memperuntukkan lebih kurang 5 jam sehari untuk latihan vokasional. Ini bermaksud lebih kurang 25 jam seminggu digunakan untuk latihan tersebut. Selepas latihan vokasional dia dilibatkan dengan aktiviti kemahiran domestik dan pengurusan diri. Masa terluang digunakannya untuk bermain permainan komputer. Aziz mempunyai potensi yang agak menonjol dari segi komputer. Pengetahuannya menggunakan perisian-perisian seperti *Power Point* dan *Microsoft Word* serta mengubah kata laluan menjadi bukti potensinya. Malangnya, atas sebab kekurangan staff yang mahir dari segi komputer, kemahiran ini kurang diberi penekanan.

Menurut ibunya, Aziz merupakan seorang kanak-kanak yang mengamalkan rutin di rumah. Dia bangun seawal 6.30 pagi dan masuk tidur pada pukul 10.00 malam, sama seperti di asrama. Aktiviti pertamanya di waktu pagi adalah menonton televisyen sehinggalah dia mandi pada pukul 10.00 pagi. Aktiviti seterusnya adalah bermain permainan komputer sehingga makan tengah hari dan disambunginya selepas makan. Aktiviti menonton televisyen menjadi aktiviti kegemarannya sehingga Aziz tidur. Program-program yang digemarinya adalah kartun samada yang ditayangkan ataupun daripada cakera padat.

Aziz juga pernah dihantar ke kelas organ, memandangkan dia menunjukkan minat dan potensi dalam bidang muzik. Malangnya dia terpaksa dihentikan kerana tidak dapat mengikuti pengajaran guru muzik, malah bermain mengikut caranya tersendiri. Menurut ibunya lagi, Aziz meminta supaya dibawa ke masjid apabila dia rasa bosan dan tiada aktiviti untuk dilakukan.

4.4.5 Domain intimasi :

Hasil pemerhatian pengkaji di asrama dan juga temuduga dengan gurunya, Aziz tidak mempunyai kawan rapat di asrama. Dia suka menyendiri dan melakukan aktiviti-aktiviti yang diberi ataupun aktiviti-aktiviti yang ingin dilakukannya. Di luar asrama juga Aziz tidak mempunyai kawan.

Bukan sahaja kawan, malah Aziz tidak rapat dengan ahli keluarganya. Menurut ibunya, dia hanya mencium, bersalam dan mengucapkan '*I love u*' sebab dilatih dan diminta oleh ibunya.

Aziz juga tidak suka disentuh dan dipeluk oleh ibunya. Dia juga tidak suka memeluk orang lain. Semasa temuduga ibu Aziz meluahkan perasaannya di mana pernah

terasa sedih kerana dianggapnya sukar mendapat kasih sayang anaknya. Bertujuan membantu Aziz dari segi kemahiran sosial, ibunya sering membawa Aziz menyertai aktiviti sebuah pertubuhan khas bagi golongan kurang upaya. Walaupun demikian, Aziz masih melakukan aktiviti-aktiviti secara bersendirian.

Walaupun Aziz tidak merapatkan diri dengan orang lain, dia suka kucing yang bersih dan comel. Dia terlalu sayangkan kucing sehingga pernah menyimpan anak kucing di dalam peti sejuk, kerana dianggapnya tempat yang selamat.

4.4.6 Domain keselamatan :

Memandangkan Aziz seorang kanak-kanak yang ikut rutin dari segi waktu tidur dan tidak menghadapi sebarang masalah dari segi tidur, maka ibunya berpendapat dia tidak bimbang akan keselamatannya. Di asrama juga Aziz dianggap sebagai seorang kanak-kanak yang tidak bermasalah dari segi waktu tidur.

Aziz hanya dikatakan menunjukkan rasa cemas dan bimbang apabila dibawa ke tempat-tempat yang sesak, kecuali kompleks membeli belah. Melawat ahli keluarga di kampung semasa perayaan tidak digemari oleh Aziz kerana dipenuhi saudara-mara. Hasil temuduga dengan ibu Aziz mendedahkan bahawa Aziz kurang sedar akan keselamatannya. Dia sering bermain dengan pisau, pemetik api, dan mancis. Barang-barang ini disembunyikan kerana membimbangkan keselamatannya. Keluarga Aziz juga bimbang atas keselamatan Aziz kerana dia sering menghilangkan diri dari rumah sebelum didaftarkan di pusat ini. Oleh yang demikian, ibu Aziz berpendapat keselamatan anaknya lebih terjamin di pusat ini.

4.4.7 Domain tempat dalam komuniti :

Temuduga dengan ibu Aziz menunjukkan bahawa pelbagai usaha yang diambil untuk membantunya dari segi intimasi, secara tidak langsung membawa kepada domain tempat dalam komuniti. Aziz dilibatkan dengan aktiviti sebuah kelab sosial. Aktiviti kelab ini diadakan sekali dalam sebulan dan 'outing' sekali dalam setahun. Walaupun pelbagai aktiviti diadakan, ibunya berpendapat penyertaan Aziz kurang berfaedah kerana dia masih melakukan aktiviti secara berasingan, seperti aktiviti menari. Kanak-kanak ini juga mengasingkan diri dalam majlis harijadi di kelab tersebut.

Aktiviti makan luar merupakan aktiviti biasa dan paling disukai yang dilakukan oleh Aziz bersama keluarganya. Semasa temuduga juga Aziz meminta ibunya supaya dibawa ke salah sebuah restoran makanan segera.

Aziz juga dibawa bersama untuk melawat saudara mara. Menurut ibunya, Aziz menunjukkan rasa cemas jika dibawa ke rumah saudara mara yang mewah. Dia hanya selesa di rumah yang biasa. Keadaan panggung wayang yang gelap juga menyebabkan Aziz rasa cemas. Oleh itu, dia hanya sekali sahaja dibawa ke panggung wayang. Menurut ibunya, Aziz suka tempat-tempat yang sunyi. Oleh itu, dia suka pergi dan sering meminta supaya dibawa ke masjid. Selain masjid, dia juga suka keadaan sunyi di gereja kerana aktiviti kelab sosial berkaitan dengan gereja. Masjid juga merupakan tempat yang ingin dikunjungi apabila Aziz tiada aktiviti untuk dilakukan dan rasa bosan.

4.4.8 Domain emosi :

Keinginan Aziz biasanya tidak ditolak asalkan tidak menjejaskan keselamatannya. Kadang kala keinginannya untuk membeli barangan tertentu ditangguhkan atas sebab masalah kewangan. Barangan yang diberikan sebagai contoh

oleh ibunya adalah buku dinasor dan piano Yamaha. Ini menyebabkan Aziz menunjukkan reaksi sedih dan tidak puas hati. Walau bagaimanapun, ibu Azim tidak tahu menahu tentang keinginan lain seperti cita-cita Aziz. Jika Aziz mempunyai cita-cita tertentu, keluarga Aziz dikatakan bersedia membantunya. Aziz merupakan seorang kanak-kanak yang berminat dan berpotensi dari segi muzik dan lukisan. Berdasarkan minat dan potensinya, diharap Aziz menjadikannya sebagai pekerjaan untuk kehidupan berdikari apabila dewasa kelak. Namun demikian, keluarganya tidak mempunyai ekspektasi tinggi terhadap Aziz kerana keadaan kurang upayanya.